



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

29.04.2022

**Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri pada minggu hadapan, The Observer akan berehat seketika dan penerbitan akan kembali pada minggu 13 Mei 2022. MSWG ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua pembaca yang beragama Islam.**

## ❖ Pengarah eksekutif GIIB dakwa digantung tugas secara salah

Penyedia kompaun getah teknikal GIIB Holdings Berhad (dahulu dikenali sebagai Goodway Integrated Industries Berhad) perlu membuktikan bahawa penggantungan tugas pengarah eksekutifnya Wong Weng Yew adalah sah dan wajar selepas beliau mencabar sekeras-kerasnya tindakan yang dikenakan terhadapnya.

Dalam pengumuman bertarikh 11 April, GIIB menyatakan bahawa penggantungan tugas Wong berkuat kuasa mulai 28 Mac. Ia kemudiannya dilanjutkan kepada 25 April sementara menunggu penilaian jawapan kepada surat tunjuk sebab yang dikeluarkan kepada Wong. Penggantungan tugas ini bertujuan memudahkan siasatan terhadap pengurusan akaun Kumpulan dan pengendalian perniagaan sarung tangan oleh Wong.

Seminggu kemudian, dalam satu kenyataan media Wong mendakwa beliau digantung tugas oleh GIIB selepas dia membangkitkan persoalan tentang beberapa transaksi yang didapati bersifat mencurigakan. Menurut Wong, sejak dia mendedahkan isu transaksi tersebut, pihak pengurusan memberikan layanan bersifat “permusuhan dan penghinaan” terhadapnya.

Tambahan pula, Wong mendakwa pengurus eksekutif dan ketua pegawai eksekutif (CEO) GIIB iaitu Tai Boon Wee secara langsung meminta dia meluluskan pembayaran tertentu sewaktu beliau digantung tugas. Wong mendakwa tindakan ini sebagai suatu penghinaan terhadap amalan tadbir urus yang baik dan menggesa jawatankuasa audit dalaman serta badan kawal selia yang berkaitan untuk menyiasat tindakan Tai.

Wong juga menambah bahawa beliau telah menjawab surat tunjuk sebab itu pada 7 April dengan penjelasan penuh dan bukti sokongan yang menafikan kesemua dakwaan yang dilemparkan terhadapnya.

## Penelitian dan penyiasatan

Dalam kes ini, seorang pengarah eksekutif berusaha keras untuk membuktikan beliau tidak bersalah. Tindakan Wong telah mendorong GIIB untuk mempercepat siasatan terhadap dakwaan yang dibuat terhadapnya serta memastikan pemegang saham minoriti dimaklumkan tentang tanggung jawab dan peranannya dalam syarikat itu.

Menurut Laporan Tahunan 2020 GIIB, Wong yang merupakan akauntan bertauliah, telah dilantik sebagai pengarah eksekutif GIIB pada 23 Februari 2021. Beliau ditugaskan untuk mengurus operasi kewangan dan perakaunan kumpulan.

Sebelum menyertai GIIB, Wong telah berkhidmat dengan PricewaterhouseCoopers LLP di Singapura yang mana beliau mengurus dan memberikan khidmat nasihat untuk proses perniagaan, pengauditan IT dan semakan keselamatan. Secara keseluruhan, beliau mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam bidang audit dan perundingan perniagaan.

Melihat Wong bertegas mempertahankan kedudukannya, GIIB pada 18 April telah menubuhkan sebuah jawatankuasa penyiasat tiga anggota yang dipengerusikan oleh dua pengarah bebas bukan eksekutif iaitu Yong Wei Sang dan Tee Jun Shern, dan pengarah pengganti kepada Tai Boon Wee, iaitu Tai Qiyao, untuk membantu lembaga pengarah menyelia siasatan terhadap dakwaan yang dikenakan ke atas Wong. Qiyao ialah anak kepada pengurus eksekutif iaitu Tai Boon Wee.

Pada 22 April, GIIB mengumumkan pelantikan firma perunding bebas PKF Covenant Sdn Bhd untuk membantu jawatankuasa penyiasat GIIB dalam siasatan terhadap pengurusan akaun Kumpulan dan pengendalian perniagaan sarung tangan oleh Wong.

PKF ditugaskan untuk memeriksa dan memberikan ulasan serta pandangan secara bebas terhadap bukti dan maklumat yang berkaitan pertuduhan terhadap Wong. PKF juga dikehendaki menyediakan laporan kepada jawatankuasa penyiasat GIIB berkaitan pertuduhan tersebut serta menghadiri mesyuarat dengan jawatankuasa penyiasat atau lembaga pengarah, jika diperlukan, untuk membentangkan penemuan dan ulasan/ pandangan dalam laporan tersebut.

Wong dalam satu kenyataan lain menyatakan beliau telah membuat laporan polis pada 25 April berhubung perbalahan yang melibatkan GIIB ini.

Beliau mendakwa tidak diberikan maklumat terkini daripada jawatankuasa penyiasat yang ditubuhkan oleh GIIB baru-baru ini. Selain itu, beliau juga menggesa jawatankuasa penyiasat supaya tidak berat sebelah dalam siasatannya walaupun ia dianggotai seorang ahli keluarga pengurus eksekutif.

Pada 28 April, GIIB mengumumkan bahawa penggantungan Wong telah dilanjutkan selama 14 hari mulai 26 April kerana juruaudit bebas luar syarikat baru sahaja memulakan siasatan.

GIIB juga mencadangkan perubahan akhir tahun kewangan dari 31 Disember kepada 30 Jun “terutamanya bagi memudahkan siasatan terhadap pengendalian perniagaan sarung tangan dan pengurusan akaun syarikat serta anak syarikatnya.”

Ia juga memohon lanjutan masa untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM) yang berikutnya dan penyerahan penyata kewangan beraudit kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

## Tentang GIIB

Berkenaan perniagaan sarung tangan GIIB, wajar dinyatakan bahawa syarikat itu hanya mencebur industri sarung tangan pada peringkat akhir kitaran ledakan sarung tangan.

Pada 18 Mac tahun lepas, melalui anak syarikat 51% miliknya iaitu GIIB Healthcare Products Sdn Bhd, syarikat telah mencadangkan untuk memasukkan pembuatan, penjualan dan pemasaran sarung tangan sebagai perniagaan utamanya.

Pada masa itu, penggerusi eksekutif/CEO syarikat iaitu Tai berkata usaha niaga sarung tangan GIIB bakal mengubah prestasi kewangan syarikat dan akan membantu mengenal pasti aliran pendapatan tambahan.

Bagi tempoh kewangan 12 bulan berakhir 31 Disember 2021, GIIB berjaya mengurangkan separuh kerugian bersihnya kepada RM21.2 juta berbanding kerugian bersih RM40.68 juta dalam tempoh yang sama sebelum ini. Pendapatannya dalam tempoh tinjauan tidak banyak berubah iaitu RM36.62 juta berbanding RM36.91 juta pada tahun sebelumnya.

#### ❖ **Masalah demi masalah dalam Caely, pengasas kini menyaman syarikat dan lembaga pengarah**

Kekecohan dalam Caely Holdings Bhd nampaknya masih belum berakhir. Sejurus selepas menerima perintah pembekuan ke atas semua akaun banknya oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (*Malaysian Anti-Corruption Commission, MACC*), pengeluar pakaian dalam wanita itu telah dikenakan tindakan undang-undang oleh pengasas dan pengarah bukan eksekutifnya, Datin Fong Nyok Yoon.

Fong dalam saman pemulanya bertujuan melarang Syarikat dan pengarahnnya daripada menerbitkan saham baharu melalui pelaksanaan penempatan persendirian. Beliau seterusnya menegaskan bahawa peruntukan saham baharu dalam syarikat hanya dibenarkan jika ia diluluskan oleh pemegang saham Caely dalam mesyuarat agung luar biasa.

Saman pemula Fong menamakan pengarah eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Caely, Lim Chee Pang sebagai defendan pertama. Lima lagi defendan yang dinamakan ialah Lim Say Leong, Beh Hong Shien (kedua-duanya pengarah bukan eksekutif), Datuk Wira Ng Chun Hau (penggerusi eksekutif) dan bekas pengarah bukan eksekutif Noor Azri Noor Azerai dan Datuk Seri Mazlan Lazim. Mazlan dan Noor Azri telah pun meletakkan jawatan daripada lembaga pengarah Caely pada 25 April “untuk meneroka peluang lain”.

Fong juga berusaha untuk membatalkan penamaan semula dirinya sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas. Pada 28 Mac tahun ini, diumumkan bahawa beliau telah dilantik semula sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas (*non-independent, non-executive director, NINED*) daripada pengarah eksekutif.

Menurut Laporan Tahunan 2021 Caely, Fong memegang 7.4% saham syarikat itu pada akhir Julai 2021 manakala suami beliau, Datuk Chuah Chin Lai (bekas pengarah urusan Caely) memegang 5.49% kepentingan.

## **Masalah bersilih ganti**

Sebelum ini, Caely sudah pun terpalit dengan beberapa isu. Terdahulu, syarikat telah melantik Virdos Lima Consultancy (M) Sdn Bhd sebagai juruaudit forensik bebas untuk menyiasat dakwaan berlakunya transaksi mencurigakan dan luar biasa dalam salah sebuah anak syarikatnya. Pelantikan itu dibuat selepas salah seorang pengarah bebas bukan eksekutifnya menerima bungkusan tanpa nama yang mengandungi dokumen yang menimbulkan persoalan tentang beberapa transaksi mencurigakan yang melibatkan unit milik penuhnya, Caely (M) Sdn Bhd (CMSB). Siasatan dijangka siap pada 31 Mei.

Sebelum ini, juruaudit luarnya PKF Malaysia telah mengeluarkan pendapat bersyarat ke atas penyata kewangan beraudit kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2020, berhubung keupayaan CMSB untuk mendapatkan semula penghutang tertentu.

Juruaudit mendapati CMSB mempunyai penghutang dagangan berjumlah hampir RM12 juta setakat 31 Mac 2020 yang berkaitan kerja-kerja pembinaan untuk Felcra Bhd yang telah siap pada 28 Feb 2018.

Walau bagaimanapun, syarikat hanya menerima bayaran balik berjumlah RM250,000 sejak menyiapkan kerja-kerja tersebut. Kelewatan ini dikaitkan dengan pertukaran kerajaan dan pandemik COVID-19.

Memandangkan semua pembayaran untuk pembinaan ini telah ditangguhkan, PKF berpandangan bahawa dengan kelewatan yang berpanjangan, aman dibawa bagi penghutang dagangan mungkin terjejas disebabkan jumlah yang boleh diperoleh semula tidak dapat dipastikan.

Melihat dari sudut prestasi kewangan, Caely mencatatkan kerugian dalam dua tahun kewangan yang lalu. Bagi tahun kewangan 2021, kerugian bersihnya telah meningkat kepada RM14.28 juta berbanding kerugian bersih RM7.45 juta pada tahun kewangan 2020. Pendapatannya juga merosot iaitu RM57.49 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM69.46 juta pada tahun sebelumnya.

Peristiwa yang berlaku dalam GIIB dan Caely sekali lagi membuktikan bahawa isu akan timbul secara tiba-tiba dan ia berlaku bersilih ganti. Pemegang saham minoriti perlu mengambil tahu perkembangan sedemikian dan memantau dengan teliti setiap pengumuman yang dibuat oleh syarikat awam tersenarai serta perkembangan lain yang berkaitan.

**Devanesan Evanson  
Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

---

**PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

**PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.